

Kata Alu-aluan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya 'Buku Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku' berjaya diterbitkan. Penerbitan buku ini merupakan satu inisiatif UiTM dalam usaha menghimpunkan pantun yang bertemakan UiTM Di Hatiku.

Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Projek Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku yang diketuai oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said kerana berjaya melaksanakan projek ini sehingga terhasilnya buku ini. Ini merupakan satu usaha murni yang bukan sahaja memberikan peluang kepada warga UiTM berpantun, malahan membangkitkan kembali nostalgia di UiTM dan ITM.

Saya percaya walaupun zaman telah berubah, seni berpantun masih lagi wujud. Dalam suasana yang baharu, seni berpantun mungkin telah berubah normanya. Namun ini tidak akan menghilangkan warisan sejak zaman-berzaman ini. Melalui buku Koleksi Beribu-ribu Pantun UiTM Di Hatiku, warga UiTM dapat berkongsi rasa, cerita dan harapan terhadap UiTM dan warganya. Pantun yang dikirim bukan hanya sekadar menjadi isi sebuah buku tetapi juga dapat menunjukkan betapa kuatnya ikatan warga UiTM, hebatnya graduan UiTM, cemerlangnya akademik dan kepimpinan UiTM serta betapa kukuhnya UiTM tidak kiralah sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Buku ini juga akan dijadikan cendera kenangan buat rakan strategik, tetamu yang berkunjung dan sebagai bahan promosi UiTM. Moga ia dapat menjadi satu wadah yang mampu memaparkan kehalusan bahasa dan ketinggian budi warga UiTM sekali gus membawa nama UiTM sebagai universiti yang cemerlang dan terbilang.

Batu permata barang pusaka

Menjadi hiasan penambat hati

Walau UiTM ditinggal lama

Terus terpahat teguh di hati

Pergi memancing di hujung tanjung

Membawa udang dibuat umpan

Nama UiTM akan terus disanjung

Ibarat pantun kekal berzaman

Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Naib Canselor

Universiti Teknologi MARA